

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah nisbah hutang Kerajaan : KDNK selepas mengambil kira perbelanjaan tambahan pakej rangsangan COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sehingga akhir-Jun 2020, hutang Kerajaan Persekutuan telah meningkat kepada RM854.1 bilion atau 57.7% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berbanding RM793 bilion atau 52.5% KDNK pada akhir-2019. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan dianggarkan meningkat kepada sekitar 60% kepada KDNK pada akhir 2020, mengambil kira kedudukan defisit dan pelaksanaan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi. Kesemua pinjaman bagi tahun 2020 akan diperolehi daripada sumber domestik. Negara juga mempunyai dana kecairan yang mencukupi dan pelbagai yang disokong pasaran kewangan yang kukuh.

2. Semua langkah yang telah diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi adalah bersifat *one-off* agar tidak akan terus membebankan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam jangka masa sederhana dan panjang. Hal ini adalah penting bagi memastikan kedudukan fiskal dan hutang negara kekal pada paras terkawal. Selain itu, Kerajaan akan kembali melaksanakan langkah konsolidasi fiskal dalam jangka masa sederhana bagi mewujudkan ruang fiskal untuk menghadapi krisis luar jangka pada masa hadapan. Sekian, terima kasih.